

08/09/1999

Keharmonian hidup manifesto BN (HL)

Shariffudin Mohamed; Rosli Abdul Jalil; Wan Kemat
BANDAR JENGKA, Selasa - Manifesto Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya umum akan datang memberi penekanan kepada keharmonian hidup antara kaum di negara ini dengan memastikan tidak timbul sebarang ketegangan sesama mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BN sentiasa mengutamakan kebaikan kerana mahu rakyat negara ini hidup bersatu padu tidak seperti yang dilakukan parti pembangkang.

Beliau berkata, manifesto BN juga tidak menimbulkan rasa sakit hati terhadap sesiapa yang boleh membawa kepada rusuhan kaum atau tuduhan-tuduhan seperti kononnya di negeri Melaka ada lebih banyak gereja daripada masjid.

"Kita tidak hendak sakitkan hati orang. Kita mahu rakyat mengakui kebaikan daripada pemerintahan kerajaan BN.

"Kita akan teruskan dasar untuk membangunkan negara dalam iklim yang harmoni dan bukan berperang antara orang Islam sesama Islam atau Kristian. Ini ajaran yang dibawa oleh parti lawan, sebab itulah ia berkhutbah mahu membangkitkan kebencian kepada orang Kristian," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita mengenai manifesto BN pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis perhimpunan bersama rakyat di Stadium Mini Nadi Kota, di sini hari ini.

Perhimpunan itu disertai kira-kira 50,000 orang, kebanyakannya masyarakat peneroka rancangan FELDA di negeri ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata, BN mahu rakyat negara ini hidup dengan harmoni tanpa berlaku rusuhan kaum.

Dalam sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut memberi penjelasan lanjut mengenai ucapannya semalam di Dewan Konvensyen Kuantan, yang menyentuh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, tindakan pihak berkuasa tertentu terhadap beberapa orang baru-baru ini dianggap kononnya kerajaan memilih orang yang rapat dengan Anwar.

"Bagaimana pula orang berkenaan dianggap rapat dengan dia (Anwar) dan kita sengaja memilih orang itu sedangkan Anwar mendakwa dia tiada kroni.

"Dulu mereka buat salah, barangkali tidak ada tindakan diambil mungkin kerana ada pengaruh yang menyebabkan tindakan itu baru diambil sekarang.

"Tuduhan kononnya kerajaan sengaja memilih orang yang rapat dengan Anwar untuk diambil tindakan adalah satu pengakuan bahawa Anwar mempunyai kroni dan kroni ini ditolong oleh Anwar," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mengamalkan pilih kasih dalam menguatkuasakan undang-undang.

"Kawan yang baik dengan kita pun kalau buat salah dia mesti dihadapkan ke mahkamah, termasuk Anwar yang menjadi kawan saya," katanya.

Katanya, beliau tidak mempunyai kuasa bagi menghalang tindakan undang-undang terhadap Anwar walaupun beliau (Anwar) memintanya mengarah polis menghentikan siasatan.

"Saya tidak campur tangan dalam urusan polis dan urusan rasuah serta dokumen yang kononnya ada enam kotak, barangkali kertas siasatan yang diambil. Kalau tidak ambil, tolonglah beritahu, dia tidak mengambilnya," katanya.

Mengenai perhimpunan hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau gembira dengan sambutan hebat diberikan kepadanya.

"Saya fikir calon BN di Pahang tidak menghadapi masalah untuk menewaskan calon parti pembangkang, termasuk kerusi Dewan Undangan Negeri Triang yang dimenangi pembangkang dalam pilihan raya umum lalu," katanya.

Mengulas permintaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Tengku Razaleigh Hamzah supaya menggunakan pengaruhnya memujuk Kerajaan Persekutuan melupuskan hutang kerajaan negeri bernilai RM550 juta, Perdana Menteri berkata:

"Senang saja, pilih Ku Li jadi Menteri Besar, kita akan buat apa saja untuk membantunya, tak perlu dia minta, kita akan tolong Kelantan.

"Kalau kita tolong Nik Aziz, dia nanti akan bercerita dengan semua orang. Sebab itulah kita tidak boleh tolong orang ini," katanya.

Sebelum ini, menurut beliau apabila Kerajaan Pusat bercadang memberi bantuan RM600 juta kepada kerajaan Kelantan, mereka tidak bersyukur kepada Allah dan berterima kepada kerajaan BN.

(END)